

Tiga pelajar parah bas rempuh treler

Chukai: Tiga pelajar dari Selangor dan seorang pemandu bas parah selepas bas persiaran dua tingkat dinaikei mereka merempuh belakang sebuah treler di Kilometer 292.2 dekat Kerteh, semalam.

[FOTO SHAMSUDIN HUSIN/BH]

Petugas LPT2 memeriksa keadaan bas persiaran yang terhabit nahas
di Kilometer 292.2 dekat Kerteh, semalam.



Dalam kejadian kira-kira jam 2.15 pagi itu, pelajar Sekolah Menengah Islam Hira' Jeram, Selangor yang parah ialah Abdullah Radzuan, 16; Haziq Fikri Hairuddin, 16, dan Muammar Mohd Khairi, 16, selain pemandu bas mereka, Azman Yahaya, 41, dan dihantar ke Hospital Kemaman untuk rawatan.

Ketika kejadian, seramai 54 pelajar Tingkatan Empat dan tujuh guru pengiring dari sekolah terabit dalam perjalanan melawat Universiti Sultan Zainal Abidin di Kuala Terengganu, selepas bertolak dari Se-

berkata Abdullah yang duduk di sisinya sebelum itu ke tempat duduk pemandu untuk mengecas telefon bimbit apabila mereka terdengar satu lelutan dan tercampak dari tempat duduk.

“Saya bergegas ke depan dan mendapati Abdullah serta pemandu tersebut di ruang depan bas yang remuk. Saya cuba menarik rakan dan pemandu keluar tapi gagal sebelum naik ke ruang atas bas mencari guru dan melihat pula Haziq Fikri dan Muammar yang duduk di kerusi depan tersebut,” katanya.

Sementara itu, Azman yang mendakwa memandu pada keleluaran 80 kilometer sejam, berkata dia hanya menyedari treler berada di depan apabila semakin hampir lalu cuba membrek tapi gagal sebelum merempuh belakang kenderaan berkenaan.

ketika kejadian itu yang sarat membawa muatan kayu. Seorang pelajar, Ahmad Muttaqi Mohd Zawawi, 16, yang luka di mulut dan kakinya akibat kejadian berkenaan,

16/11/2015

BERITA HARIAN

Gagal mengelak
Bas dipandu Azman diperca-

yai gagal mengelak sebuah treler di depan lalu merempuh